

10/08/1999

Pesanan KM Melaka

MELAKA: Barisan Nasional (BN) negeri berjanji memperkemas jentera pilihan raya di semua peringkat bagi memastikan semua program bersepadu yang dilaksanakan membawa kejayaan cemerlang dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata BN tidak mahu pemimpin dan pengemudi di semua bilik gerakan dan peti undi, mudah bersikap puas hati tanpa mengeluarkan sebarang keringat untuk memastikan kejayaan benar-benar tercapai.

Selain itu, beliau meminta semua bentuk kelemahan atau kelonggaran yang timbul di peringkat dalaman sendiri, hendaklah diperbetulkan dengan segera.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan pemimpin parti komponen BN negeri dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini.

(END)